

Pusat penyelidikan baru di Semakau ubah sisa, sampah jadi 'harta'

**Usahasama NEA-NTU bernilai \$35j
sasar lanjut jangka hayat tapak pelupusan**

Satu-satunya tapak pelupusan sampah aktif Singapura di Pulau Semakau akan diberi nafas baharu dengan pelancaran sebuah pusat penyelidikan.

Matlamat pusat yang dikenali sebagai *Towards Resource Efficiency And Sustainability for URban EnvironmentS* (Treasures) itu adalah mengekstrak bahan bernilai daripada sisa buangan serta bahan toksik bagi industri pembinaan dan sektor lain, sekali gus membolehkan tapak pelupusan itu terus beroperasi untuk jangka masa lebih lama.

Pusat penyelidikan yang pertama seumpamanya dan ditubuhkan bersama oleh Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) itu diumumkan Menteri Negara Kanan (Kemampuan dan Sekitaran), Dr Janil Puthucheary, pada 17 Jun.

“Program Treasures merupakan komitmen jangka panjang untuk menangani aliran sisa yang selama ini paling mencabar diuruskan,” kata Dr Janil ketika berucap pada acara perkhidmatan alam sekitar, *Catalyst*, di Marina Bay Sands.

Acara itu menghimpunkan kira-kira 300 pemimpin industri, penggubal dasar sejagat dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem tersebut.

“Nama pusat ini amat sesuai kerana bahan-bahan ini sukar dikitar semula.

“Namun, ia mempunyai nilai yang penting kepada industri apabila berjaya dipulihkan dan diuruskan dengan betul,” katanya.

Tapak pelupusan luar pesisir atau *off-shore* itu dijangka mencapai kapasiti penuh sekitar 2035.

Unjuran tersebut akan disemak semula

di bawah Pelan Induk Tanpa Sisa Singapura.

Idea utama projek itu adalah mengubah Tapak Pelupusan Semakau dengan mengenal pasti peluang pemulihan sumber, membangunkan teknologi serta menetapkan piawaian bagi mengguna semula bahan tersebut untuk tujuan lain.

Inisiatif itu disokong pembiayaan sebanyak \$35 juta, di bawah pelan Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan 2025 (RIE2025) Singapura, bagi tempoh antara 1 Januari dengan 31 Mac 2030.

Pengarah bersama Treasures, Encik Chu Jian, memberitahu *The Straits Times* (ST), pusat itu berpotensi meletakkan Singapura sebagai peneraju sejagat dalam pembangunan bandar mampan dan memaksimumkan penggunaan bahan.

Treasures juga akan bekerjasama rapat dengan pengeluar sisa dan syarikat rawatan sisa untuk membangun penyelesaian serta mempercepatkan peralihan daripada penyelidikan makmal kepada pelaksanaan sebenar.

Pemerintah turut mengumumkan rancangan menyemak semula Pelan Induk Tanpa Sisa Singapura 2030, yang menetapkan sasaran meningkatkan kadar kitar semula keseluruhan kepada 70 peratus dan mengurangkan jumlah sisa harian per kapita yang dihantar ke Tapak Pelupusan Semakau sebanyak 30 peratus.

Pusat itu juga melancarkan panggilan pertama bagi cadangan projek yang dapat memajukan penyelesaian praktikal dan boleh diperluas untuk pengurusan sisa serta bahan buangan industri toksik.

Permohonan geran tersebut, yang akan ditutup pada 5 petang, 17 Ogos, dibuka kepada semua institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan dan syarikat.